



# siaran media

## **Karnival Nourish PJ oleh Dutch Lady Milk Industries Berhad (DLMI) untuk Memupuk Cakna Pemakanan Tenuku dan Perpaduan**

**PETALING JAYA, 26 November 2023:** Pengeluar produk tenuku terkemuka, Dutch Lady Milk Industries Berhad (DLMI), bersama-sama dengan Masjid Tun Abdul Aziz di Petaling Jaya, telah menganjurkan Karnival Nourish PJ, satu acara yang penuh keseronokan dan pengetahuan semalam, untuk mempromosikan khasiat susu dan produk tenuku untuk kesihatan dan kecergasan, serta memupuk perpaduan sosial di kalangan masyarakat pelbagai kaum di Petaling Jaya.

Pengarah Urusan DLMI, Ramjeet Kaur Virik, berkata DLMI telah menjadi sebahagian daripada komuniti ini selama 60 tahun, dan syarikat ini telah menyantuni penduduk Petaling Jaya melalui pelbagai inisiatif sepanjang tahun.

"Seperti yang ramai sedia maklum, kilang pengeluaran kami yang merupakan mercu tanda terkenal di Petaling Jaya akan berpindah ke Bandar Enstek tahun depan, tetapi kami tidak akan melupakan komuniti yang menjadi sebahagian daripada kami sejak tahun 1963," katanya, sambil menambah bahawa acara ini penting untuk mengukuhkan hubungan komuniti dan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pemakanan tenuku.

"Kerjasama antara Masjid Tun Abdul Aziz dan Dutch Lady Milk Industries Berhad bukan sahaja langkah penting dalam mengukuhkan komuniti kita, tetapi juga dalam menyebarkan tentang kepentingan menjaga kesihatan tanpa mengira usia. Melalui kerjasama ini, kami berharap untuk memberikan sumbangan yang bermakna, meningkatkan kualiti hidup komuniti tempatan, dan yang lebih penting, mendidik mereka tentang khasiat produk tenuku," kata Dr. Hamzah bin Darus, Pengurus Masjid Tun Abdul Aziz.

Beberapa aktiviti pagi termasuk berjalan santai untuk menggalakkan kecergasan fizikal dan mental, serta ceramah pendidikan oleh pakar pemakanan korporat DLMI tentang kepentingan pemakanan tenuku dan cara untuk menambah susu dan produk tenuku ke dalam diet seimbang serta gaya hidup. Ini diikuti dengan analisis komposisi badan percuma untuk mendapatkan penilaian peratusan lemak





badan, jisim otot, dan kadar metabolik serta permainan interaktif dengan hadiah menarik yang diberikan kepada peserta bertuah.

Ramjeet menambah, "Selaras dengan matlamat kami untuk Mengkhasiatkan Dunia dan Manusia Sejagat Dalam Setiap Peringkat Kehidupan, DLMI tetap teguh dalam menghasilkan pemakanan tenusu berkualiti, mampan, dan Halal kepada semua rakyat Malaysia. Kami akan terus bekerjasama dengan agensi kerajaan yang relevan, pihak berkuasa, dan komuniti tempatan untuk meningkatkan akses kepada pemakanan dalam usaha kami untuk membina Malaysia yang lebih sihat.

#### **Tentang Dutch Lady Milk Industries Berhad**

Diperbadankan pada tahun 1963, Dutch Lady Milk Industries Berhad (DLMI) merupakan syarikat tenusu terkemuka di Malaysia. Ia dimiliki oleh sebuah syarikat koperasi tenusu terbesar di dunia, Royal FrieslandCampina NV, sebuah syarikat tenusu multinasional dari Belanda. DLMI merupakan syarikat susu pertama yang telah disenaraikan di Bursa Malaysia pada tahun 1968 dan yang pertama memperkenalkan susu serbuk yang diformulasikan untuk kanak-kanak di Malaysia pada tahun 1988.

Berpegang teguh kepada tujuan kami untuk Mengkhasiatkan Dunia dan Manusia Sejagat Dalam Setiap Peringkat Kehidupan, DLMI menghasilkan dan menyediakan pelbagai jenis produk tenusu berkualiti untuk pasaran rumah dan eksport. Melalui kerjasama unik antara FrieslandCampina dan empat pasukan penyelidikan/universiti antarabangsa, kami memulakan Kajian Tinjauan Nutrisi Asia Tenggara (SEANUTS) pada 2009, melibatkan empat negara – Malaysia, Indonesia, Vietnam dan Thailand. SEANUTS ialah kajian pemakanan dan kesihatan terbesar dan paling meluas yang pernah dilaksanakan di Asia Tenggara, di mana tinjauan ke atas 16,744 kanak-kanak berusia sehingga 12 tahun telah dijalankan dalam tempoh empat tahun. Kajian susulan SEANUTS II telah dijalankan antara 2019 – 2021 melibatkan 14,000 kanak-kanak di empat negara. Maklumat lanjut boleh didapati di [www.dutchlady.com.my](http://www.dutchlady.com.my)

#### **Tentang Royal FrieslandCampina**

Royal FrieslandCampina ialah salah sebuah syarikat tenusu terbesar di dunia dengan tradisi koperasi sejak 150 tahun lalu. Syarikat ini memproses susu dari ladang tenusu kepada pelbagai produk dan bahan tenusu. Dengan cara ini Royal FrieslandCampina membekalkan ratusan juta orang di seluruh dunia dengan nutrien berharga daripada susu. Royal FrieslandCampina N.V. dimiliki sepenuhnya oleh Zuivelcoöperatie FrieslandCampina U.A., dengan **15,137** penternak lembu tenusu di Belanda, Belgium dan Jerman sebagai ahli. Melalui koperasi tenusu ini, penternak lembu tenusu ini memiliki dan menyelia syarikat. Bersama ahli penternak lembu tenusu, FrieslandCampina menguruskan keseluruhan rantaian pengeluaran: daripada rumput ke gelas.

FrieslandCampina menyediakan pengguna dengan produk tenusu, seperti susu, yogurt, susu pekat, minuman berasaskan tenusu, keju, mentega, 'quark' dan krim. Syarikat tenusu ini membekalkan nutrisi khusus kepada kumpulan pengguna tertentu, seperti kanak-kanak, warga emas dan ahli sukan. Pelanggan profesional, seperti tukang roti, tukang masak pastri, pembuat konfeksi coklat, tukang masak dan katerer boleh bergantung pada FrieslandCampina untuk rangkaian produk yang luas, termasuk krim, mentega, pencuci mulut dan inti. Selain itu, syarikat turut membekalkan bahan-bahan berkualiti tinggi kepada pengeluar makanan antarabangsa dan syarikat farmaseutikal.





Pada **2022**, **9,927** ahli ladang tenusu FrieslandCampina, Jerman dan Belgium membekalkan hampir 10billion kilo susu untuk dijadikan produk tenusu dan ramuan. FrieslandCampina mempunyai cawangan di **30** negara dan mengeksport ke lebih **100 negara** di seluruh dunia. Pada akhir tahun **2022**, secara purata FrieslandCampina menggajikan **21,715** pekerja sepenuh masa. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web kami di: [www.frieslandcampina.com](http://www.frieslandcampina.com).

**Siaran media ini dikeluarkan oleh Dutch Lady Milk Industries Berhad**

Ezmir Hazizi Azhar  
Pengarah Hal Ehwal Korporat  
Tel: 012-648 4419  
Email: [hadi.abdullah@frieslandcampina.com](mailto:hadi.abdullah@frieslandcampina.com)

Meera Selvaratnam  
Pengurus Komunikasi  
Tel: 012-911 0733  
Email: [meera.selvaratnam@frieslandcampina.com](mailto:meera.selvaratnam@frieslandcampina.com)

